

29 OCT 2003

Mahathir-Ancaman/I

M'SIA TIDAK AKAN TERPENGARUH, TUNDUK KEPADA ANCAMAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dengan tegas mengulangi bahawa Malaysia tidak akan tunduk kepada apa-apa pengaruh atau ancaman pihak luar.

Dr Mahathir yang akan bersara daripada jawatan Perdana Menteri pada Jumaat berkata Malaysia ditadbir mengikut keutamaannya dan akan melakukan sesuatu mengikut caranya sendiri.

"Kami mentadbir negara ini mengikut keutamaan kami. Seperti yang anda tahu, kita melakukan setiap satu mengikut cara tersendiri dan mereka yang lain tidak boleh mempengaruhi atau mengancam kita," kata beliau kepada pemberita selepas meghadiri satu majlis di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya mengenai laporan bahawa pihak pentadbiran Bush di Amerika Syarikat tidak bersetuju dengan langkah Senat Amerika Syarikat mengenakan sekatan terhadap bantuan latihan ketenteraan bernilai US\$1.2 juta (RM4.5 juta) kepada Malaysia.

Tindakan Senat itu adalah bagi menunjukkan rasa tidak senang hati terhadap kenyataan Dr Mahathir bahawa kaum Yahudi menguasai dunia melalui proksi semasa ucapan perasmianya di sidang kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini, baru-baru ini.

Dr Mahathir yang akan bersara selepas 22 tahun memegang jawatan Perdana Menteri memulakan jawapan beliau kepada pertanyaan itu dengan sindirian "Thank you very much (terima kasih banyak)" sebelum menjelaskan pendirian Malaysia akan hal itu.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai perasaannya apabila mempengerusikan mesyuarat Kabinet bagi kali terakhir pada pagi ini.

"Ia agak sedih. Saya mengucapkan selamat tinggal kepada mereka semua (rakan-rakan kabinet). Ia yang terakhir saya pengerusikan, jadi saya rasa ia sangat signifikan kepada saya dan juga kepada mereka yang bekerja dengan saya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau menasihatkan Menteri-menterinya supaya menghulurkan sepenuhnya sokongan yang sama kepada pengganti beliau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya berharap mereka akan bekerjasama dengan pucuk pimpinan baru supaya kita boleh terus maju," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan merindui buku notanya untuk mencatatkan perkara-perkara yang memerlukan perhatian, Dr Mahathir menjawab: "Saya rasa ia satu adab yang telah diturunkan kepada lain. Jadi mereka semua mempunyai buku nota sendiri dan saya yakin ia agak berguna bagi mereka."

-- BERNAMA

MAM PR